

Penagih digesa kongsi pengalaman

- 5 MAR 1990

51

Elak remaja lain terjebak dengan dadah

PARA penghuni Pusat Pemulihan Dadah (DRC) digesa supaya mengongsi pengalaman pahit yang mereka dan keluarga alami untuk 'menghalang' remaja lain daripada mengikuti jejak mereka.

Ini kerana liku-liku yang dilalui semasa menagih dan dalam tahanan, jika diceritakan kepada golongan yang belum terjebak, dapat menyedarkan dan menghalang mereka daripada berjinak-jinak dengan bahan yang akan memporakperandakan kehidupan mereka. *MAKSIK S'VHJ*

Membuat gesaan itu dalam dialog dengan kira-kira 50 penghuni selepas persembahan silat di Cabang DRC, Penjara Remand, Queens-town, semalam, Setiausaha Politik (Ehwal Dalam Negeri), Encik Harun A. Ghani, berkata:

"Anda tidak harus berfikir bahawa anda tidak lagi berguna kepada masyarakat. Tanggapan itu salah kerana anda masih mempunyai nilai dan maruah diri.

"Anda boleh jadi pemimpin dan memainkan peranan yang positif dalam menjauhkan golongan remaja daripada menjejak liku-liku pahit yang anda dan keluarga lalui ketika anda dalam ketagihan dan ditahan di DRC.

"Ini kerana mereka lebih mudah mendengar nasihat



TUNJUK TANGKAS: Para pesilat *Seligi Tunggal* menunjukkan kemahiran menggunakan pedang.

anda yang pernah terjebak, daripada golongan seperti kami termasuk pak-pak imam yang langsung tidak pernah mengalami pengalaman seperti yang anda lalui."

Awal dari itu, menjawab satu soalan daripada penghuni yang ingin tahu tentang kriteria bagi golongan penagih belajar silat apabila dibebaskan kelak, setiausaha penyelaras rancangan lawatan sembilan perguruan tersebut, Encik Johari H.M. Uriff, berkata: *MAKSIK S'VHJ*

"Anda tidak dikenakan sebarang bayaran tetapi perlu mempunyai minat, taat sega-

la peraturan, menjauhkan perbuatan yang tidak sihat dan yang bercanggah dengan tuntutan agama dan paling penting rela mengambilnya sebagai suatu kegiatan untuk kebaikan diri."

Superintendan penjara tersebut, Encik Tan Kheng Jin, pula berkata: "Pencak silat, sama seperti seni mempertahankan diri yang lain, akan menjadikan anda lebih sihat dan mempunyai disiplin diri yang tinggi.

"Ini akan menjadikan anda menjauhkan diri daripada dadah kelak," katanya.